MAHENDRAN A/L SELAYA

lwn.

TIMBALAN PENDAKWARAYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
TUAN CHIN FOOK YEN PK
[PERMOHONAN JENAYAH 54-2-95]
15 MAC 1995

***AMALAN & PROSEDUR**: Aturan 53 k. 1 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Permohonan untuk kebenaran untuk mendapatkan perintah certiorari - Prinsip-prinsip yang terpakai - Samada permohonan remeh dan menyusahkan - Samada berdasarkan alasan kukuh.*

Pemohon telah melalui usul pemula (*ex parte*) memohon kebenaran Mahkamah tanpa syarat untuk membuat permohonan untuk mendapatkan suatu perintah certiorari terhadap perintah Mahkamah Majistret. Mahkamah ini telah membuat pertimbangan samada prinsip-prinsip yang ditentukan telah dipatuhi berdasarkan alasan-alasan yang terkandung di dalam afidavit sokongan pihak pemohon dan bapanya yang menegaskan bahawa Majistret yang bijaksana telah silap dari segi undang-undang, iaitu; beliau telah gagal untuk memberi pemohon peluang untuk membuat pernyataan dan oleh itu telah gagal untuk mematuhi peruntukan statutori yang ketat, tidak memberi pemohon peluang untuk mendapatkan ikatjamin, tidak menimbangkan lapuran pegawai pemulihan dan latarbelakang pemohon sebelum membuat perintahnya dan menganggap pemohon sebagai penagih dadah hanya berdasarkan Borang 3, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, s.6(1) iaitu Perakuan Tentang Penagih Dadah walaupun pegawai perubatan gagal menjalani pemeriksaan sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Diputuskan:

[1] Mengenai permohonan untuk kebenaran seperti ini, prinsip-prinsip yang membantu (guiding principles) adalah seperti yang ditetapkan (laid down) dalam kes Mahkamah Agung, *Association of Bank Officers, Peninsular Malaysia v. Malayan Commercial Banks Association* [1990] 3 MLJ 228; iaitu, "The guiding principles ought to be that the applicant must show *prima facie* that the application is not frivolous or vexatious and that there is some substance in the grounds supporting the application".

[2] Alasan-alasan memperlihatkan terdapatnya perlanggaran terhadap keadilan asasi dan juga tidak kepatuhan kehendak statutori oleh Majistret tersebut dalam kes di mana kebebasan individu terlibat. Permohonan ini bukanlah remeh dan menyusahkan dan mempunyai alasan kukuh. Oleh yang demikian ini adalah kes yang wajar diberikan kebenaran.

[Permohonan dibenarkan].

Kes yang dirujuk:

Association of Bank Officers, Peninsular Malaysia v. Malayan Commercial Banks Association [1990] 3 MLJ 228 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, A. 53 k. 1(2)

Bagi pihak pemohon - M/s Naran Singh & Co.

PENGHAKIMAN

Chin Fook Yen PK:

Pemohon, melalui usul pemula (*ex-parte*) bertarikh 1 Mac 1995 meminta kepada Mahkamah Tinggi 1980 (KMT) untuk kebenaran Mahkamah tanpa syarat supaya permohonan boleh dibuat untuk mendapatkan suatu perintah certiorari seperti berikut di bawah:

> for unconditional leave and liberty to make an application for an order of certiorari against the order of the learned Magistrate in the matter of Miscellaneous Application (Criminal) No. 4/95 at the Ipoh Magistrate Court on 20 February 1995.

Alasan-alasan permohonan di atasnya relief yang dibuat berdasarkan dalam pernyataan pemohon. Pernyataan tersebut berserta afidavit-afidavit pemohon dan bapanya yang menentusahkan fakta yang kepadanya permohonan ini disandarkan telah difailkan bawah A. 53 k. 1(2) KMT bagi menyokong UP ini.

Di akhir penghujahan oleh Peguamcara untuk pemohon yang bijaksana TPR memberitahu Mahkamah beliau tiada bantah terhadap permohonan ini.

Mengenai permohonan untuk kebenaran seperti ini, prinsip-prinsip yang membantu (guiding principles) seperti yang ditetapkan (laid down) dalam kes Mahkamah Agong *Association of Bank Officers, Peninsular Malaysia v. Malayan Commercial Banks Association* [1990] 3 MLJ 228 adalah:

> The guiding principles ought to be that the applicants must show *prima facie* that the application is not frivolous or vexatious and that there is some substance in the grounds supporting the application.

Walaupun tiada bantahan dari TPR saya mestilah berpuashati samada prinsip-prinsip tersebut adalah dipatuhi.

Alasan-alasan permohonan yang telah didedahkan di dalam pernyataan tersebut adalah seperti di bawah:

> Perenggan 6(c) The learned Magistrate erred in law by failing to give the applicant the opportunity of making representations and therefore has failed to comply with the strict statutory requirements under the said Act and also under Article 5(3) of the Federal Constitution of Malaysia.
>
> Perenggan 6(e) The learned Magistrate erred in law by failing to give the applicant an opportunity to raise the bail. The applicant was produced before the learned Magistrate on 20 February 1995 at 4.00 pm and the learned Magistrate ordered a bail of RM1,500 to be produced in one surety, but the learned Magistrate failed to give the applicant an opportunity to raise the said bail.
>
> Perenggan 6(f) The learned Magistrate erred in law by failing to abide by s. 6(3) and s. 6(4) of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, which required the learned Magistrate to consider the report of the rehabilitation officer and the circumstance of the case and other matter relating to the background of the applicant before the learned Magistrate makes an order dan

Perenggan 6(g) The learned Magistrate erred in law in considering the applicant to be a drug dependant based solely on the Borang 3, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 s. 6(1), Perakuan Tentang Penagih Dadah when in fact the medical officer has failed to carry out the necessary test as required by the law.

There was no basis in how the medical officer came to the decision that the applicant was a drug dependant.

Alasan-alasan memperlihatkan terdapatnya perlanggaran terhadap keadilan asasi dan juga tidak kepatuhan kehendak statutori oleh Majistret tersebut dalam kes dimana kebebasan individu terlibat. Alasan-alsan tersebut ditentusahkan oleh afidavit-afidavit pemohon dan bapanya yang menyokong permohonan ini.

Saya juga perlu memberi perhatian kepada prinsip-prinsip sebagaimana yang dinyatakan di bahagian awal penghakiman kes Mahkamah Agung tersebut (*supra*) bahawa pada peringkat untuk kebenaran Mahkamah hendaklah tidak menimbangkan "on substantial issues on merit."

Atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas saya dapati bahawa permohonan ini bukanlah remeh dan menyusahkan dan mempunyai susbtance.

Saya berpuashati bahawa ini dalah kes yang wajar diberikan kebenaran.

Permohonan untuk kebenaran diberi.